

16/05/2000

Perdana Menteri tiada waktu rehat

KUANTAN, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengaku tidak mempunyai waktu rehat, malah sentiasa berfikir untuk memberi yang terbaik kepada negara.

Perdana Menteri berkata, beliau hanya berasa tenang apabila menunggang kuda.

Ketika meluangkan masa hampir setengah jam berinteraksi dengan 600 peserta khemah kerja belia sempena Perhimpunan Hari Belia Negara 2000 di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Pahang (Sukpa) di sini, hari ini, beliau berkata:

"Sebenarnya, fikiran saya tak pernah berhenti (switch off). Malah, ketika terjaga daripada tidur pun, saya berfikir, kenapa saya tidak berkata begitu, kenapa saya tidak buat begini.

"Sebenarnya saya tidak ada waktu rehat. Jika saya ingin melapangkan fikiran, saya akan menunggang kuda. Ketika itu, fikiran saya ditumpukan kepada kuda kerana mungkin tumpuan penting bagi mengawal haiwan berkenaan."

Pengacara Afdlin Shauki bertindak sebagai pengantara kumpulan belia pada majlis itu. Afdlin bertanya bilakah Perdana Menteri berhenti memikirkan perkara berkaitan negara dan berehat.

Dr Mahathir menjelaskan, beliau tidak pernah terfikir untuk menjadi Perdana Menteri ketika mula menyertai politik kerana perjuangannya ketika itu hanya untuk agama, bangsa dan negara.

"Pembabitan saya dalam politik memang mendapat sokongan keluarga, khususnya bapa dan kawan-kawan tetapi saya tidak terfikir untuk menjadi Perdana Menteri. Ketika itu, kita hanya mahu negara merdeka. Kita menentang penjajah dan bukan kerajaan.

"Belia pada zaman saya lebih mudah sebab fokus kami untuk lawan penjajah tetapi sekarang, belia menghadapi banyak masalah, termasuk penyalahgunaan dadah, manakala masyarakat yang berpecah belah pula cuba mempengaruhi belia.

"Keadaan itu menyebabkan belia keliru dan mereka tidak dapat menggunakan tenaga dengan baik," katanya.

Perdana Menteri meminta belia tidak leka dengan nikmat kemerdekaan yang dirasakan sekarang kerana negara asing sentiasa mencari peluang untuk menjajah semula negara ini.

Semua pihak perlu berhati-hati dengan taktik Barat, terutama membabitkan kebebasan modal kerana Barat akan menggunakan kuasa ekonomi untuk menjajah semula.

"Mereka mahu menjadikan kita miskin dan kemudian kita berhutang dengan mereka. Selepas itu, mereka akan campur tangan dalam politik kita dan kemudian akan menjajah negara ini.

"Kita bernasib baik kerana perkara itu tidak berlaku di sini, berbanding negara lain yang terpaksa tunduk dan pinjam daripada mereka. Jadi, belia perlu sedar dan jangan fikir, sekali merdeka, kita akan merdeka selamanya," katanya.

(END)